

Garis panduan ini hanya dipetik sebahagian kecil daripada kandungan sebenar daripada Buku Arahan Teknik (Jalan) 3/85(Pindaan 1/88) - JKR 20401-0002-88. Ianya sebagai maklumat tentang aturcara Pemerosesan Permohonan Pembangunan Tepi Jalan yang melibatkan pihak JKR.

PENDAHULUAN

Garis Panduan (pindaan) ini adalah dikeluarkan untuk mengemaskini Arahan Teknik (Jalan) 3/85 yang telah diterbitkan dalam tahun 1985 sejajar dengan keputusan yang dibuat semasa Bengkel Piawaian dan Garis Panduan Jalan Yang ke-4 1987

Selain daripada pengubahsuaian serta pembetulan perkara-perkara dahulu untuk memenuhi kehendak semasa, ia juga mengandungi perkara-perkara baru supaya dapat membantu dalam proses meluluskan sesuatu permohonan pembangunan tepi jalan.

Walaupun demikian, maklumbalas masih digalakkan daripada pengguna-pengguna supaya Garis panduan ini dapat dibetulkan sekiranya perlu.

Garis panduan ini adalah untuk kegunaan dalaman JKR sahaja.

PROSES PERMOHONAN

- **Cara Mengemukakan Permohonan ke JKR**
 - i. Kebiasaannya permohonan dimajukan dimasa pecah sempadan. Kadangkala permohonan diterima diperingkat ubah syarat.
 - ii. Carta pergerakan proses permohonan tukar syarat tanah adalah seperti di Lampiran A
 - iii. Carta pergerakan proses permohonan pecah sempadan adalah seperti di Lampiran B

Jangka Masa Untuk Pemerosesan

- i. Jangka masa diberi kepada Pengarah Negeri dan Jurutera Daerah untuk memberi jawapan kepada Urusetia (Pengarah Tanah dan Galian, Pemungut Hasil Tanah, Badan-badan Berkuasa Tempatan dan lain-lain yang mana yang bersesuaian) mestilah tidak lebih daripada 2 bulan daripada tarikh diterima permohonan itu oleh JKR.
- ii. Pengarah Negeri adalah bertanggung jawab memastikan jangkamasa tersebut dipatuhi.

Cara Memproses Permohonan

- i. Arahan kepada pemohon adalah seperti di Lampiran C. Pengarah Negeri perlu mencetak arahan ini sendiri dan membekalkannya, tanpa bayaran, kepada pemohon melalui Urusetia yang akan memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi sebelum memajukan permohonan-permohonan kepada JKR.

- ii. Apabila permohonan diterima oleh Pejabat Pengarah JKR Negeri/Daerah, permohonan tersebut diproses di peringkat Negeri/Daerah itu dengan segera. Hanya kes-kes khas atau rayuan sahaja yang patut dimajukan kepada Pengarah Cawangan Jalan, Ibu Pejabat JKR, K.Lumpur.
- iii. Permohonan mestilah dipertimbangkan tiap-tiap minggu. Bagaimana pun, Pengarah Negeri bolehlah menggunakan budi bicara sendiri untuk menentukan jangka masa yang sesuai.

